

Kemanisan Iman.

٦ - وَعَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَمَنْ أَحَبَّ عَبْدًا لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَمَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُلْقَى فِي النَّارِ - متفق عليه.

6- Anas juga meriwayatkan, katanya: “Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tiga perkara, jika ada pada seseorang, tentu ia akan merasai kemanisan iman.⁸⁵ (Pertama): Orang yang

s.a.w.: إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ بِمَنْزِلَةِ الْوَالِدِ أَلْعَلَّكُمْ فَإِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الْغَائِطُ فَلَا يَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ وَلَا يَسْتَنْبِرُهَا وَلَا يَسْتَنْطِبُ بِبِمِينِهِ وَكَانَ يَأْمُرُ بِثَلَاثَةٍ بِثَلَاثَةِ أَحْجَارٍ وَيَنْهَى عَنِ الرُّوْثِ وَالرَّمَّةِ Bermaksud: Sesungguhnya aku seperti bapa kepadamu. Aku hendak mengajar kamu. Apabila seseorang daripada kamu pergi membuang air, janganlah dia menghadap qiblat dan membelakanginya. Jangan juga dia beristinja' dengan tangan kanannya. (Kata perawi) Baginda s.a.w. selalu menyuruh (orang yang hendak beristinja') menggunakan tiga biji anak batu. Baginda juga melarang daripada menggunakan tahi binatang yang kering dan tulang (untuk beristinja'). (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, Abu 'Awaanah dan lain-lain daripada Abi Hurairah). Sekarang perlulah jelas bapa kita yang manakah yang lebih utama bagi kita. Bapa darah daging seseorang manusia adalah bapa jasmaninya. Sebenarnya bapa jasmani itu tidak lebih daripada perantaraan yang dipilih Allah untuk meneruskan zuriat manusia semata-mata. Sama seperti bapa kepada mana-mana binatang yang lain seperti lembu, kambing, kuda, buaya, biawak, beburung dan lain-lain. Ia tidak lebih daripada perantaraan untuk meneruskan zuriatnya. Tidak ada langsung pilihan pada anda untuk memilih bapa jasmani. Campur tangan bapa jasmani anda juga langsung tidak ada dalam menentukan bakat, kebolehan dan kelebihan anda. Berbeza dengan bapa rohani manusia. Dia adalah nabi yang dipilih Allah untuk mengajarkan kepada manusia erti hidup sebagai seorang manusia. Dialah yang membimbing manusia agar menjadi hamba Allah yang ta'at kepadaNya. Dialah yang menyedarkan manusia supaya berakhlak mulia dan berpengetahuan. Dialah yang memberi tahu tentang adanya kehidupan di alam yang lain sesudah mati, tentang dosa pahala, tentang syurga neraka, tentang Tuhan dan lain-lain. Pendek kata dialah yang mengajar anda mengenal diri, mengenal dunia, mengenal akhirat dan mengenal Allah Tuhan pencipta alam semesta ini. Kalau begitu dialah sepatutnya diutamakan daripada orang-orang lain dalam kehidupan kita. Kerana terkumpul padanya segala punca dan sebab untuk seseorang itu dicintai kita dalam keadaan paling sempurna dan lengkap. Itulah sebab dan rahsianya kenapa Rasulullah s.a.w. bersabda: لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ (Tidak beriman seseorang daripada kamu selagi aku tidak lebih dicintainya daripada ayah dan anaknya dan manusia sekaliannya).

⁸⁴ Selain Bukhari dan Muslim hadits ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Majah, Daarimi, Abu Ya'la dan lain-lain.

⁸⁵ Sabda Nabi s.a.w. ini merupakan talmih (isyarat secara halus) kepada perihalan deria rasa orang sihat atau orang yang mengidap penyakit kuning dan seumpamanya. Kepada orang yang mengidap penyakit kuning, segala-segalanya dirasakan pahit. Madu yang manis sekalipun dirasainya pahit. Orang yang betul-betul sihat pula merasai sesuatu tepat seperti rasa

sebenarnya. Masin dirasainya masin, kelat dirasainya kelat, pahit dirasainya pahit, manis dirasainya manis dan begitulah seterusnya. Semakin sihat seseorang itu, semakin tepatlah pula deria rasanya. Sebaliknya apabila kesihatan seseorang merosot, turut merosotlah deria rasanya. Begitulah juga keadaan iman. Semakin sempurna iman seseorang, semakin terasa manislah kepadanya iman itu. Sebaliknya apabila iman seseorang tidak sempurna, kemanisannya juga akan semakin berkurang. Malah kadang-kadang dalam keadaan penyakit yang menimpa terlalu teruk, deria rasa menjadi bercelaru dan tidak menentu. Yang manis dikatakan pahit! Bak kata al-Mutanabbi (seorang penya'ir Arab yang terkenal): وَمَنْ يَكُ ذَا فَمٍ مُرٍّ مَرِيضٍ ۖ يَجِدُ مُرًّا بِهِ الْمَاءُ الزَّلَالَا Bermaksud: "Orang sakit yang pahit mulut, akan berasa pahit, walaupun air yang jernih lagi sedap diminum." Seolah-olahnya Rasulullah s.a.w. hendak mengatakan: Kesihatan rohani adalah sesuatu yang mesti dan diperlukan untuk seseorang itu merasai kemanisan iman. Sebagaimana kesihatan jasmani adalah sesuatu yang mesti dan diperlukan untuk seseorang itu merasai kemanisan madu misalnya. Dan antara tanda seseorang itu benar-benar sihat rohaninya ialah apabila ada padanya tiga perkara yang disebutkan Baginda s.a.w. seterusnya. **Para 'ulama' berbeda pendapat** tentang apa yang dimaksudkan dengan kemanisan iman itu. Berikut dikemukakan sebahagian daripadanya: (1) Kemanisan iman ialah keseronokan dan kelazatan yang dirasakan; (a) Apabila beribadat dan melakukan keta'atan kepada Allah. (b) Apabila mengalami kesukaran dalam menegakkan agama Allah dengan menjunjung segala titah perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Dan (c) Apabila mengutamakan kepentingan akhirat daripada kepentingan dunia. (2) Kemanisan iman ialah kepuasan dan kelegaan jiwa yang diperolehi apabila melaksanakan apa-apa tuntutan agama. Walaupun mungkin kerana adanya sedikit sebanyak penyakit hati, seseorang itu terasa juga malas dan lesu dalam melaksanakannya. Namun, kerana sedar akan faedah dan keuntungannya di dunia dan di akhirat, ia tetap melakukannya. Dan setelah melakukannya, ia mendapat semacam kepuasan. Ubat yang pahit misalnya, tidak disukai semua pesakit. Tetapi ia tetap meneguknya, lantaran sedar ubat yang pahit itu akan menghilangkan kesakitan yang ditanggungnya. Pesakit yang bijaksana sedar bahawa kepahitan yang terpaksa ditanggung hanyalah untuk sebentar sahaja. Sedangkan kesihatan yang akan diperolehi daripadanya pula adalah berpanjangan. Berus gigi tiap-tiap hari, itu saja pun kadang-kadang terasa malas juga melakukannya. Fikiran bahkan kadang-kadang terganggu. Tetapi setelah sedar akan faedahnya dan memikirkan kebbaikannya dalam jangka masa panjang, anda memberus gigi dengan senang hati. Setelah menjadi kebiasaan, anda berasa tidak selesa kalau tidak memberus gigi. Akhirnya memberus gigi beberapa kali sehari menjadi suatu kemestian kepada anda dan semacam kepuasan serta kelegaan anda perolehi apabila memberus gigi. **Para 'ulama' juga berbeda pendapat** tentang kemanisan iman yang dirasai itu, adakah ia sesuatu yang hissi (memang dapat dirasai deria) atau ma'nawi (niskala)? **Ada yang berpendapat** kemanisan iman itu adalah sesuatu yang abstrak dan niskala. Ia tidak dapat dirasai dan dikesan dengan deria. Ia cuma dapat dimengerti dan difahami jiwa. Apabila kemanisan iman itu ada pada seseorang, maka akan adalah juga kesan-kesannya. Antara kesannya ialah: (1) Keyakinan yang kukuh teguh terhadap apa yang dipercayai. (2) Menurut patuh kepada apa yang diimani. (3) Semacam keseronokan, kelazatan dan kepuasan jiwa dikecapi apabila melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-laranganNya. **Ada pula yang berpendapat** kemanisan iman itu adalah sesuatu yang hissi dan memang dapat dirasai deria batin. Pendapat ini bagi mereka lebih tepat dan lebih kuat berbanding pendapat yang pertama tadi. Alasannya ialah: (1) Lafaz dan ma'na hadis terpelihara, tidak tergugat dan tidak memerlukan ta'wilan. (2) Banyak sekali terdapat contoh-contoh hidup di dalam sejarah para sahabat dan as-Salaf as-Saleh yang menyokong kemanisan iman dalam ma'na sebenarnya. Berikut dikemukakan tiga contoh sahaja daripadanya: (a)

menyintai Allah dan RasulNya melebihi kecintaannya kepada selain keduanya.⁸⁶

(Kedua): Orang yang menyintai seseorang semata-mata karena Allah.⁸⁷ (Dan ketiga):

Ketika di ambang pintu maut, Saiyyiduna Bilal bin Rabaah r.a. terdengar rintihan isterinya: وَأَطْرِبَاهُ غَدًا أَلْقَى الْأَحْيَاءَ مُحَمَّدًا (Aduhai sedihnya!), beliau terus membuka mata lalu berkata: وَأَطْرِبَاهُ غَدًا أَلْقَى الْأَحْيَاءَ مُحَمَّدًا (Aduhai seronoknya, sukanya! Kerana besok aku akan bertemu para kekasih, Muhammad dan kumpulannya!). (Lihat al-Qadhi 'Iyaadh- asy-Syifa Bi Ta' rifi Huquq al-Mustafa j.2 m/s 23, Ibnu Amir al-Haaj- al-Madkhal j.2 m/s 190, Ibnu Taimiyyah- Minhaaj as-Sunnah an-Nabawiyyah j.6 m/s 1). (b) Lihatlah apa yang dibuat dan diucapkan oleh bapa saudara Anas bin Malik, Haraam bin Milhaan, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Setelah beliau ditikam dari belakang dengan lembing sehingga menembusi dadanya. Sambil menyapu muka dan kepala dengan darah yang memancut keluar dari tubuhnya, beliau melaungkan: Allahu Akbar! فُزْتُ وَرَبِّ الْكَعْبَةِ (Aku telah berjaya demi Tuhan Ka'bah!). Kisah beliau ini diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Ahmad dan lain-lain tokoh hadits. (c) Imam Bukhari meriwayatkan secara ta' liq di dalam Sahihnya daripada Jabir bahawa; "Ketika Nabi s.a.w dalam peperangan Zatir Riqaa', pernah berlaku seorang lelaki (seorang sahabat Anshari Nabi s.a.w.) dipanah musuh ketika sedang bersembahyang. Anak panah yang mengenainya itu menyebabkan darah terkeluar dengan banyak dari tubuhnya. Tetapi dia tetap ruku', sujud dan meneruskan sembahyangnya." Berdasarkan riwayat Abu Daud, Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain, sahabat itu telah terkena tiga anak panah. Tetapi kelazatan bersembahyang dan membaca al-Qur'an di dalamnya mengatasi kesakitan kerana terkena anak panah. Ini juga merupakan salah satu contoh kemanisan iman yang dapat dikesan di dalam lipatan sejarah para sahabat r.a.

⁸⁶ Maksud cinta kepada Allah ialah sentiasa menta'atiNya dan tidak menderhakainya. Maksud menyintai Rasulullah s.a.w. pula ialah sentiasa berpegang teguh dengan syari'at yang dibawanya, di samping ta'at dan patuh kepadanya. Hadits di atas menyatakan bahawa kemanisan iman pasti akan dirasakan seseorang yang ada padanya tiga perkara yang tersebut di dalamnya. Salah satunya ialah menyintai Allah dan rasulNya melebihi segala-galanya yang lain. Ia secara tidak langsung mengandungi maksud, orang yang benar-benar menta'ati Allah dan rasulNya adalah orang yang sudah ada padanya satu daripada tiga perkara yang akan membuatnya merasai kemanisan iman. Di dalam al-Qur'an Allah menyatakan salah satu tanda orang yang benar-benar menyintaiNya dan orang yang cintanya berbalas. Ia adalah orang yang mengikuti Sunnah RasulNya. Lihat firman Allah ini:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Bermaksud: Katakanlah: "Jika kamu benar-benar menyintai Allah, ikutilah daku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu." Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Aali 'Imraan:31). **Timbul kemusykilan di sini.** Kenapakah Nabi s.a.w. menggunakan dhamir tatsniah (ganti nama yang menunjukkan dua) pada **سِوَاهُمَا** (selain keduanya) yang mengumpulkan Allah dan dirinya sendiri, padahal beliau s.a.w. pernah menegur seorang yang berkata begitu dalam satu ucapannya? Kata orang itu: مَنْ يَطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ رَشِدَ وَمَنْ يَعِصِهِمَا فَقَدْ غَى Bermaksud: "Sesiapa ta'at kepada Allah dan rasulNya, sesungguhnya dia telah mendapat petunjuk. Dan sesiapa yang derhaka kepada kedua-duanya, sesungguhnya dia telah sesat." Mendengar kata-kata orang itu Nabi s.a.w. bersabda: بِئْسَ الْخَطِيبُ أَنْتَ قُلْ وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ Bermaksud: "Engkaulah penceramah yang paling teruk! Katalah (begini): Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan rasulNya. (Muslim, Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Baihaqi dan lain-lain). Secara terpisah Allah dan rasulNya itu, bukan kedua-duanya dikumpulkan bersama

dalam satu dhamir tatsniah. Beberapa jawapan kepada kemusykilan di atas telah diberikan oleh para 'ulama'. Antara lainnya adalah seperti berikut: (1) Sesetengah ucapan, seperti khutbah wa'az dan lain-lain, menghendaki perincian dan penjelasan. Dalam keadaan itu tidak elok digunakan perkataan-perkataan atau ayat-ayat yang ringkas dan boleh mengelirukan. Itulah sebabnya Rasulullah s.a.w. menegur penceramah berkenaan dengan kata Baginda s.a.w. **بُنْسَ الْخُطِيبُ أَنْتَ** (Engkaulah penceramah yang paling teruk!). Sesetengah ucapan atau khutbah pula lebih elok diringkaskan. Khutbah hajah (seperti khutbah nikah dan lain-lain) misalnya, lebih elok dalam bentuk padat dan ringkas. Kerana itu terdapat juga hadits yang menyatakan Nabi s.a.w. sendiri berkhutbah hajah dengan lafaz yang sama seperti yang diguna oleh orang yang ditegur Baginda s.a.w. itu, daripada segi penggunaan dhamir tatsniah (ganti nama yang menunjukkan dua) yang mengumpulkan Allah dan rasulNya. Lihat teksnya ini: **مَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ رَشِدَ وَمَنْ يَعْصِيهِمَا فَإِنَّهُ لَا يَضُرُّ إِلَّا نَفْسَهُ وَلَا يَضُرُّ اللَّهَ شَيْئًا** Bermaksud: "Sesiapa ta'at kepada Allah dan rasulNya, sesungguhnya dia telah mendapat petunjuk. Dan sesiapa yang derhaka kepada kedua-duanya, sesungguhnya dia tidak memudharatkan kecuali dirinya sendiri. Dia tidak memudharatkan Allah sedikit pun." (Abu Daud, al-Baihaqi dan at-Thabaraani). Demikian juga dengan hadits Anas di atas yang sedang dibincangkan sekarang. Ia memang sengaja disabdakan oleh Baginda s.a.w. dalam bentuk ringkas seperti itu dengan mengumpulkan Allah dan rasul dalam satu dhamir tatsniah, supaya mudah dihafal dan diingati umat. (2) Hadits yang melarang penggunaan dhamir tatsniah yang mengumpulkan Allah dan rasul, lebih patut diutamakan daripada hadits yang zahirnya menampakkan keharusan penggunaannya kerana beberapa alasan qaedah berikut: (a) Kerana hadits yang melarang merupakan sunnah qauliyyah. Sedangkan hadits yang dianggap sebagai mengharuskannya pula hanya berupa sunnah fi'liyyah. Sunnah fi'liyyah dalam hal ini berkemungkinan besar mempunyai latar belakangnya yang tersendiri. (b) **واقعة حال لا عموم لها** (c) Dalam kes pertentangan berlaku di antara riwayat yang melarang (**مانع**) dan yang mengharuskan (**مجيز**), pada umumnya riwayat yang melaranglah ditarjihkan. (c) Hadits yang melarang penggunaan dhamir tatsniah yang mengumpulkan Allah dan rasul merupakan **ناقل عن الأصل** (dalil yang memindahkan sesuatu daripada hukum asalnya). Hadits yang zahirnya membenarkan pula adalah **باق على الأصل** (dalil tentang kekalnya sesuatu atas hukum asalnya). Menurut qaedah Usul, segala benda atau perkara asalnya hendaklah dianggap harus terlebih dahulu. Kecuali ada dalil yang mengharamkan, barulah ia dianggap terlarang atau haram. Dalam kes ini, hadits-hadits yang zahirnya mengharuskan itulah yang dikira asal. Sementara hadits-hadits yang melarang pula dianggap sebagai **ناقل عن الأصل** (dalil yang memindahkan sesuatu daripada hukum asalnya). Apabila berlaku pertentangan di antara **باق على الأصل** (dalil tentang kekalnya sesuatu atas hukum asalnya) dan **ناقل عن الأصل** (dalil yang memindahkan sesuatu daripada hukum asalnya), perlulah diutamakan **باق على الأصل** daripada **ناقل عن الأصل**. Antara bukti yang menyokong qaedah ini ialah riwayat-riwayat yang merupakan **ناقل عن الأصل** itu sedang mengemukakan satu qaedah kulliyyah. Sedangkan qaedah kulliyyah seperti itu tidak dapat diambil daripada riwayat-riwayat yang merupakan **باق على الأصل**. (3) Perbuatan mengumpulkan Allah dan rasul dalam satu dhamir tatsniah merupakan khususiyah Nabi s.a.w. Ia hanya dibenarkan kepada Rasulullah s.a.w. Orang-orang lain tidak dibenarkan menggunakannya. Itulah sebabnya Baginda s.a.w. melarang orang menggunakannya. Alasan kenapa orang-orang lain selain Rasulullah s.a.w. tidak dibenarkan menggunakannya ialah kerana penggunaan seperti itu boleh mengelirukan sesetengah orang tentang kesamaan kedudukan Allah dan rasulNya. Secara tidak langsung ia boleh mengheret mereka ke kancah kesyirikan. Adapun Rasulullah s.a.w. sendiri, maka baginda terpelihara daripada terkeliru dalam soal ini. (4) Sama seperti yang ke(3) tadi juga,

cuma kebimbangan tidaklah kerana ia mungkin mengelirukan orang-orang lain sahaja, malah orang yang berucap itu sendiri juga dibimbangi akan terheret ke kancang kesyirikan. (5) Sabda Rasulullah s.a.w.: “Orang yang menyintai Allah dan RasulNya melebihi kecintaannya kepada selain keduanya”, mengisyaratkan bahawa kecintaan kepada Allah dan rasulNya itu dikehendaki bersepadu. Kecintaan kepada salah satu daripadanya secara terpisah-pisah adalah perbuatan sia-sia dan tiada nilainya di sisi agama. Allah saja dicintai tanpa rasul, tidak diterima. Rasul saja dicintai tanpa Allah, juga tidak diterima. Itulah maksud tersirat di sebalik sabda Baginda s.a.w. (مِمَّا سِوَاهُمَا), menggunakan dhamir tatsniah yang menggabungkan Allah dan rasulNya. Berbeza dengan penceramah yang ditegur Nabi s.a.w. Kerana kata-katanya: *ومن يعبث بغيري* membayangkan seolah-olahnya seseorang itu baru tersesat, apabila ia menderhakai Allah dan rasul kedua-duanya sekali. Padahal bukannya menderhakai Allah saja atau rasul saja pun boleh menyebabkan seseorang itu tersesat? (6) Imam Thahaawi berpendapat, Nabi s.a.w. menegur penceramah berkenaan tidak kerana lain melainkan kerana dia telah waqaf (berhenti) ditempat yang tidak sepatutnya waqaf. Seolah-olahnya orang itu berkata: *من يطع الله ورسوله فقد رشد ومن يعصهما فقد غوى*. Sampai di sini saja dia terus waqaf dan berhenti tanpa menyambung terus kata-katanya: *فقد غوى* selepas itu. Kerana dengan berhenti pada perkataan *يعصهما* tanpa menyambung terus *فقد غوى* selepas itu, ma'na ucapannya akan berubah kepada: “Sesiapa ta'at kepada Allah dan rasulNya, sesungguhnya dia telah mendapat petunjuk. Dan sesiapa yang derhaka juga.” Jadi orang yang mendapat petunjuk itu bukan sahaja orang yang ta'at kepada Allah dan rasulNya, orang yang derhaka kepada kedua-duanya juga mendapat petunjuk. Bukankah ma'na ucapannya telah berubah teruk dengan sebab waqaf di tempat yang tidak sepatutnya waqaf? Itulah sebenarnya yang ditegur Rasulullah s.a.w.

⁸⁷ Perkara kedua yang disebut Nabi s.a.w. jika ada pada seseorang, tentu ia akan merasai kemanisan iman ialah apabila ia menyintai seseorang semata-mata kerana Allah. Bukan kerana harta, kedudukan, pangkat, kecantikan dan sebagainya. Maksud menyintai seseorang semata-mata kerana Allah ialah kerana tuntutan agama Allah. Seperti menyintai dan mengasihi seseorang kerana ketaqwaan dan kepatuhannya kepada Allah atau kerana ilmu agamanya yang tinggi dan berguna kepada masyarakat serta budi pekertinya yang mulia. Itulah yang dikatakan menyintai seseorang semata-mata kerana Allah s.w.t. Imam Malik pernah berkata: *المحبة في الله* Maksudnya: “Cinta kerana Allah itu termasuk salah satu kewajipan Islam dan ia merupakan perangai para kekasih Allah s.w.t.” Tiga macam orang yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. pasti akan mendapat kemanisan iman di dalam hadits di atas, jika dianalisa dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertamanya: *مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا*. Keduanya: *وَمَنْ أَحَبَّ عَبْدًا لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ*. Dan ketiganya ialah: *وَمَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُلْقَى فِي النَّارِ*. Daripada tiga bahagian orang yang pasti akan merasai kemanisan iman itu, yang mula-mula sekali disebut Rasulullah s.a.w. ialah orang yang menyintai Allah dan RasulNya melebihi kecintaannya kepada selain keduanya. Apabila Allah dan rasulNya dicintai seseorang melebihi segala sesuatu yang lain, sudah tentulah orang-orang lain yang dicintainya juga akan dicintai semata-mata kerana Allah s.w.t. atau dengan kata lain dicintai dengan penuh keikhlasan. Bahagian kedua hadits sebenarnya merupakan kesan atau hasil daripada bahagian pertamanya. Apabila cinta seseorang kepada Allah dan rasulNya mengatasi dan menguasai cintanya kepada segala sesuatu yang lain, cintanya kepada sesama manusia pula berasaskan keikhlasan, maka tentu sekali orang itu akan membenci dengan sepenuh hatinya kepada kekufuran. Kerana itulah Baginda s.a.w. meletakkan sabdanya: *وَمَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُلْقَى فِي النَّارِ* itu pada bahagian ketiga hadits. Kebencian kepada kekufuran yang amat sangat itu digambarkan oleh Rasulullah s.a.w., bagaikan ia akan

Orang yang tidak suka kembali⁸⁸ kepada kekafiran setelah ia diselamatkan oleh Allah,⁸⁹ sebagaimana ia tidak suka dilemparkan ke dalam api.” (Bukhari-Muslim).⁹⁰

dilempar ke dalam api. Tidak ada siapa pun di dunia ini suka ia dicampak ke dalam api. Lihatlah betapa harmoni dan saling berkaitnya ketiga-tiga bahagian hadits di atas di antara sesamanya.

⁸⁸ Rasulullah s.a.w. menyebutkan “kembali kepada kekafiran” di sini memandangkan kebanyakan orang yang memeluk agama Islam pada ketika itu pada asalnya adalah kafir. Mereka telah memeluk Islam dengan meninggalkan kekufuran. Adapun orang-orang yang berasal daripada keturunan Islam, zahir kata-kata Nabi s.a.w. “kembali kepada kekafiran” itu tidak ada kena mengena dengannya. Apa ertinya ia kembali kepada kekafiran, kalau ia tidak pernah pun menjadi kafir. Maka para `ulama’ mengatakan, jika sabda Rasulullah s.a.w. hendak dikaitkan juga dengan orang-orang Islam sejak turun-temurun lagi, seharusnya perkataan عود terlebih dahulu dipakai dalam ma`na majaazinya. Ma`na majaazi bagi perkataan عود itu ialah صيرورة (menjadi, masuk, bertukar atau berpindah kepada dan lain-lain). Jadi sabda Rasulullah s.a.w. itu seharusnya ditaqdirkan begini: وَمَنْ يَكْفُرْ أَنْ يَصِيرَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْفُرُ أَنْ يُلْقَى فِي النَّارِ (Orang yang tidak suka menjadi kafir atau masuk ke dalam kekufuran setelah ia diselamatkan oleh Allah, sebagaimana ia tidak suka dilemparkan ke dalam api). Tidak ada lagi dalam terjemahan ini rangkai kata “kembali kepada kekafiran” tadi, disebabkan oleh perkataan يَعُودُ tidak dipakai dalam ma`na haqiqinya. Malah ma`na majaazi bagi perkataan itu telah mengambil alih tempatnya. Pecahan perkataan عود dengan ma`na صيرورة ada diguna oleh Allah di dalam al-Qur’an sendiri. Oleh itu tidak ada kesalahan memalingkannya daripada ma`na asalnya kepada ma`na lain. Sebagai contohnya firman Allah berikut ini:

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِنْ قَوْمِهِ لَنُخْرِجَنَّكَ يَشْعَبُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَكَ مِنْ قَرْيَتِنَا أَوْ لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا قَالَ أُولَئِكَ كَفَرُوا لَنَا

Maksudnya: Ketua-ketua yang sombong dari kaumnya (Nabi Syu`aib) berkata: “Sesungguhnya Kami akan mengusirmu wahai Syuaib dan orang-orang yang beriman yang menjadi pengikut-pengikutmu dari negeri kami ini, atau kamu berpindah (bertukar) kepada ugama kami”. Nabi Syu`aib menjawab: Apakah (kamu akan mengusir kami), sekalipun kami tidak menyukainya? (al-A`raaf:88). Rangkai kata لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا seharusnya diterjemahkan seperti di atas dengan dipalingkan ma`na asal dan haqiqinya kepada ma`na majaazinya iaitu صيرورة. Sebabnya ialah kalau ma`na asalnya (kembali) dipakai, niscaya kandungannya tidak akan menepati kenyataan sebenar. Lantaran Nabi Syu`aib dan keluarga baginda sekurang-kurangnya, tidak pernah hidup dalam kekafiran. Itulah sebabnya Imam al-Qurthubi mentafsirkan لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا dengan katanya: أَوْ لَتَصِيرُنَّ إِلَى مِلَّتِنَا (atau kamu berpindah (bertukar) kepada ugama kami).

⁸⁹ Allah menyelamatkan seseorang daripada kekafiran dengan salah satu daripada dua cara berikut: (1) Dengan melahirkannya dalam keluarga Islam dan menghidupkannya sebagai orang Islam sampai mati. (2) Dengan melepaskannya daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya Islam. Atau dengan kata lain mendorongnya memeluk agama Islam.

⁹⁰ Selain Bukhari dan Muslim, hadits ini diriwayatkan juga oleh Ahmad, Tirmizi, Nasaa’i dan Ibnu Majah.

Kelazatan Iman.

٧ - وَعَنْ الْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ ذَاقَ طَعْمَ الْإِيمَانِ مَنْ رَضِيَ بِاللَّهِ

رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا - رواه مسلم

7- Al-`Abbaas bin Abdil Mutthalib⁹¹ meriwayatkan, bahawa sesungguhnya beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pasti akan merasai kelazatan iman

⁹¹Al-`Abbaas bin Abdil Mutthalib ialah bapa saudara Rasulullah s.a.w. Kuniahnya ialah Abu al-Fadhal. Beliau lebih tua dua tahun daripada Nabi s.a.w. `Abbaas pernah hilang semasa kecil. Maka ibunya bernazar, jika anaknya itu ditemui kembali, dia akan memakaikan Ka`bah kelambu sutera. Setelah anaknya `Abbaas ditemui, si ibu menyempurnakan nazar yang dibuatnya. Ibu al-`Abbaaslah wanita yang mula-mula sekali bernazar begitu. Jawatan yang disandang al-`Abbaas di zaman Jahiliyah ialah سقاية الحاج (memenuhi keperluan minuman orang-orang yang datang mengerjakan haji) dan عمارة البيت (mendorong orang-orang Quraisy mema`murkan Baitillah dengan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan keburukan serta ucapan-ucapan yang keji di kawasan sekitarnya). `Abbaas telah ikut serta dalam Bai`ah (perjanjian) al-`Aqabah yang berlaku di antara Rasulullah dengan orang-orang Anshar sebelum beliau memeluk agama Islam lagi. Dalam peperangan Badar beliau berada di pihak orang-orang musyrikin Mekah secara terpaksa. Setelah ditawan dalam peperangan itu, beliau membayar wang tebusan diri sendiri dan juga wang tebusan untuk saudaranya `Aqil bin `Abdil Mutthalib. Kemudian pulang ke Mekah. Ada juga dikatakan bahawa `Abbaas sebenarnya telah lama memeluk agama Islam. Tetapi beliau menyembunyikan keislamannya kepada orang ramai. Beliaulah orangnya yang bertanggungjawab menuliskan tentang apa-apa yang berlaku di Mekah kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi menurut Ibnu `Abdil Barr, `Abbaas baru memeluk agama Islam sebelum penaklukan Khaibar pada tahun ketujuh hijrah. Selepas Abu Thalib, Al-`Abbaaslah bapa saudara Nabi s.a.w. yang paling kuat membela Baginda s.a.w. Beliau berhijrah ke Madinah tidak lama sebelum pembukaan Mekah. Ikut serta dalam peristiwa pembukaan Mekah dan tetap teguh mempertahankan Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Hunain. Nabi s.a.w. pernah bersabda: يَا أَيُّهَا النَّاسُ مَنْ آذَى الْعَبَّاسَ فَقَدْ آذَانِي إِنَّمَا عَمَّ الرَّجُلُ صِنْتُ أَبِيهِ Maksudnya: "Wahai manusia! Sesiapa menyakiti `Abbaas bererti dia menyakitiku. Sesungguhnya bapa saudara seseorang itu serupa bapanya." (Riwayat Tirmizi, Ahmad, Ibnu Abi Syaibah dan al-Haakim). Tirmizi menghukum hadits ini hasan sahih. `Abbaas adalah seorang yang sangat dimuliakan oleh Rasulullah s.a.w. Para sahabat mengakui kelebihan `Abbaas. Kerana itu mereka selalu berbincang dengannya dan menerima baik pandangannya. Kata Mujahid: "Abbaas telah memerdekakan seramai tujuh puluh orang hamba sahaya tidak lama sebelum kematiannya." Selain itu `Abbaas juga adalah seorang pemurah, suka memberi makan kepada orang-orang miskin, sangat menjaga perhubungan kekeluargaan, mempunyai buah fikiran yang bernas dan doa yang mustajab. `Umar dan `Utsman yang berkenderaan akan turun dari kenderaan mereka kalau bertemu dengan `Abbaas yang sedang berjalan kaki sebagai menghormatinya. `Abbaas meninggal dunia pada hari Juma`at bertarih dua belas Rejab ketika berumur 88 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di perkuburan Baqi`. Sebanyak 35 hadits telah diriwayatkan daripada `Abbaas. Bukhari dan Muslim bersepakat meriwayatkan satu hadits sahaja daripada

orang yang benar-benar rela (puas hati) Allah sebagai Tuhannya, Islam sebagai agamanya dan Muhammad sebagai rasulnya.”⁹² (Muslim).⁹³

Percaya Kepada Kerasulan Muhammad Adalah Syarat Keselamatan.

٨ - وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ يَهُودِيٍّ وَلَا نَصْرَانِيٍّ ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَّا كَانَ مِنَ أَصْحَابِ النَّارِ - رواه مسلم

8- Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Demi Tuhan yang nyawa Muhammad berada di tanganNya. Tiada seorangpun dari umat ini⁹⁴ yang mati dlm keadaan tidak percaya kepada kerasulanku, baik ia Yahudi ataupun Nasrani, melainkan ia pasti menjadi ahli neraka.”⁹⁵ (Muslim).⁹⁶

beliau. Bukhari bersendirian tanpa Muslim dalam meriwayatkan satu hadits sahaja. Sementara Imam Muslim pula bersendirian tanpa Bukhari dalam meriwayatkan 3 hadits. Sekumpulan orang telah meriwayatkan hadits daripada beliau.

⁹² Orang yang rela dengan sesuatu perkara akan dapat melakukannya dengan mudah dan senang hati. Demikianlah dengan orang mu'min yang hatinya diresapi iman. Ia akan dapat melaksanakan sesuatu amalan atau keta'atan dengan mudah dan senang hati di samping merasai kelazatannya. Orang yang benar-benar rela (puas hati) Allah sebagai Tuhannya ialah orang yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain dan melakukan segala amalan dengan penuh keikhlasan kepadaNya. Orang yang benar-benar rela (puas hati) Islam sebagai agamanya ialah orang yang tidak memilih cara hidup lain selain cara hidup Islam dan orang yang benar-benar rela (puas hati) Muhammad sebagai RasulNya pula ialah orang yang perjalanan hidupnya betul-betul berada di atas landasan syari'at Muhammad s.a.w. Orang yang benar-benar rela dan puas hati dengan tiga perkara yang disebut Rasulullah s.a.w. itu tentu sekali dapat merasai kemanisan dan kelazatan iman. Maksud hadits ini menurut Syeikh 'Abdul Haq Muhaddits Delhi ialah sebagaimana tubuh lahir anda dapat merasai kesedapan makanan-makanan yang lazat apabila kesihatan anda baik, begitulah juga dengan hati anda. Jika ia sejahtera daripada segala penyakit hawa nafsu, ia akan meni'mati kelazatan iman. Tetapi bagaimanakah cara untuk hati itu sejahtera daripada segala penyakit hawa nafsu? Hadits ini memberikan jawapannya, iaitu apabila anda rela atau berpuas hati betul dengan tiga perkara yang tersebut di dalam hadits di atas.

⁹³ Selain Muslim, Ahmad dan Tirmizi juga turut meriwayatkannya.

⁹⁴ Yang dimaksudkan dengan umat di sini ialah أمة الدعوة iaitu sekalian manusia bermula daripada Rasulullah s.a.w. diutuskan menjadi rasul hingga ke akhir zaman.

⁹⁵ Islam adalah agama untuk manusia sejagat. Peraturan dan undang-undang yang dibawa Islam juga bersifat sejagat. Oleh itu setiap manusia tidak dapat tidak mestilah berada di bawah naungannya. Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penyudah sekalian nabi diutus Allah untuk sekalian manusia. Beliau telah membawa satu syari'at yang dapat menampung keperluan manusia sejagat hingga ke akhir zaman. Manusia yang hidup bermula dari zaman Rasulullah